

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN**  
**ABBAS [ TELOK KEMANG ]**

**NO. SOALAN : 219**

**SOALAN**

minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR**  
menyatakan :-

- (a) rancangan Kementerian untuk mempertimbangkan penjanaan tenaga boleh baharu selain daripada tenaga solar seperti kuasa angin, kuasa ombak dan sebagainya yang boleh membuka ruang penerokaan teknologi, manfaat sumber alam dan ruang pekerjaan untuk rakyat; dan
- (b) perkembangan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020) untuk menggalak dan meningkatkan penggunaan sumber tenaga boleh baharu (RE).

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian ini menerusi *Sustainable Energy Development Authority* (SEDA) sedang menjalankan kajian mengenai potensi kuasa angin dan tenaga ombak sebagai sumber tenaga boleh baharu yang boleh diterokai. Bagi tenaga angin, kajian sumber angin di Malaysia telah selesai dan dalam peringkat penyediaan laporan akhir. Kementerian sedang juga dalam perancangan untuk mengkaji tarif yang boleh dikenakan sekiranya tenaga elektrik dijana melalui tenaga angin dibangunkan secara komersial dan boleh dijual kepada syarikat utiliti.
2. Di bawah Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe-11), Kerajaan telah menetapkan sasaran kapasiti penjanaan melalui Tenaga Boleh Baharu sebanyak 2080MW. Bagi mencapai sasaran tersebut, dalam RMKe-11 Kerajaan telah memperkenalkan mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) yang telah menyumbang

sebanyak 450.01MW Tenaga Boleh Baharu sehingga 28 Februari 2017. Bagi meningkatkan lagi usaha ini, Kerajaan telah memperkenalkan program *Large Scale Solar* (LSS) dengan sasaran sebanyak 1,000MW dan *Net Energy Metering* (NEM) dengan sasaran sebanyak 500MW bagi mencapai sasaran yang telah ditetapkan di bawah RMKe-11.

Sekian, terima kasih

.....